



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	2/10/2019	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Bunuh gajah: Ganjaran menanti pemberi maklumat

**TAWAU 1 Okt.** - Ganjaran RM30,000 menanti pemberi maklumat sehingga tertangkapnya pembunuh seekor gajah pygmy di Sungai Udin, Dumpas, Kalabakan dekat sini baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah, Augustine Tuuga berkata, ganjaran itu masing-masing RM10,000 daripada JHL, Orangutan Appeal United Kingdom dan sebuah pertubuhan sukarela.

Pada 25 September lalu, sekumpulan pemancing menemukan bangkai gajah berkenaan dalam keadaan terduduk di tebing Sungai Udin, Kalabakan sebelum gambar haiwan itu tersebar dalam media sosial.

Susulan itu, Jabatan Hidupan Liar melakukan siasatan dan mendapati gading gajah itu dipotong dan hasil bedah siasat mendapat terdapat 70 tembakan di pipi, kepala, badan serta punggung gajah berkenaan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Peter Umbas berkata, gajah itu ditembak menggunakan shot gun dan pembunuhnya boleh didakwa di bawah Akta Senjata Api

1960 serta mengikut Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar dibawah JHL.

Menurutnya, suspek itu kini dalam radar pemburuan polis dan JHL menerusi Operasi Khazanah.

"Jadi kita lancarkan Ops Khazanah Bersepadu, menggembeleng semua tenaga penguat kuasa kita yang ada dan kita bersetuju tentang kaedah yang digunakan dalam masa terdekat ini setelah kita kenal pasti sasaran," katanya.

Beliau memberitahu, operasi itu akan turut disertai Jabatan Perhutanan Sabah.

Peter berkata, polis sudah mengenal pasti motif dan mengesyaki suspek berdasarkan gading gajah yang dibunuh hilang.

"Dari siasatan dan taklimat bersama JHL memang gajah ini dibunuh, sengaja dibunuh dan untuk tujuan mengambil gading, ini pembunuhan kejam," katanya.

Peter turut menggesa orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kes itu agar tampil dan menyalurkan maklumat ke balai polis berdekatan atau menghubungi pegawai JHL bagi membantu siasatan. - BERNAMA



AUGUSTINE TUUGA